

PELABARAN LANGSUNG ASING (FDI) DI MALAYSIA
DAN CHINA: PRESTASI DAN CABARAN

CHANDRANILAL A/P MUNUSAMI

JABATAN EKONOMI
FAKULTI PENGEUPUSAN DAN EKONOMI
UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU

2008

**PELABURAN LANGSUNG ASING (FDI) DI
MALAYSIA DAN CHINA :
PRESTASI DAN CABARAN**

Oleh

CHANDRAMALAR A/P MUNUSAMI

Laporan projek ini merupakan sebahagian daripada
keperluan untuk mendapatkan Ijazah Sarjana Muda
Ekonomi (Sumber Alam)

**JABATAN EKONOMI
FAKULTI PENGURUSAN DAN EKONOMI
UMT**

2008

PENGAKUAN

Saya akui kertas projek ini adalah hasil kajian saya sendiri kecuali sumber-sumber lain yang telah saya jelaskan rujukannya melalui senarai rujukan yang telah dilampirkan.

16 April 2008



CHANDRAMALAR A/P MUNUSAMI

UK11618

DECLARATION

I hereby declare that this project paper is the result of my own investigation and finding, except where otherwise stated other source are acknowledge by giving explicit references is oppended.

16 April 2008



CHANDRAMALAR D/O MUNUSAMI

UK11618

PENGHARGAAN

Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan rasa syukur kepada Tuhan kerana berkat segala limpah dan kurniaNya akhirnya dapat saya menyiapkan laporan kajian ini dengan jayanya. Memandangkan laporan kajian ini merupakan satu keperluan sebagai syarat bergraduasi, maka ini sudah tentu memerlukan pengorbanan dan komitmen yang bersungguh-sungguh kepada saya bagi memenuhi keperluan program ini.

Ucapan sekalung penghargaan ditujukan khasnya buat penyelia saya, Cik Noor Haslina Mohamad Akhir yang telah banyak berkorban masa dan tenaga dalam memberi nasihat dan tunjuk ajar serta dorongan dalam usaha untuk menyiapkan laporan projek ini. Tidak lupa juga buat pensyarah-pensyarah di Jabatan Ekonomi yang telah banyak memberi ilmu dan tunjuk ajar di sepanjang pengajian saya di UMT. Sesungguhnya segala nasihat dan tunjuk ajar kalian akan saya jadikan panduan dalam meniti cabaran kehidupan yang akan datang.

Teristimewa buat kedua ibu bapa saya, Encik Munusami dan Puan Mohana kerana berkat dorongan dan sokongan mereka akhirnya saya berjaya menamatkan pengajian dan kajian yang dilakukan. Akhir sekali, tidak lupa buat rakan-rakan seperjuangan, Cik Banu dan Cik Bavani Sri yang turut memberi sokongan dan bersama-sama berusaha memenuhi kehendak dan keperluan program ini. Segala sokongan kalian dan kenangan manis sepanjang di UMT akan dikenang buat selama-lamanya.

Sekian,

Chandramalar a/p Munusami

Ijazah Sarjana Muda Ekonomi (Sumber Alam)

Chandramalar_cm@yahoo.com

**PELABURAN LANGSUNG ASING (FDI) DI MALAYSIA DAN CHINA :
PRESTASI DAN CABARAN**

ABSTRAK

Kajian ini menganalisis Pelaburan Langsung Asing (FDI) di negara Malaysia dan China dari segi prestasi dan cabaran. Ciri-ciri seperti keterbukaan perdagangan, perlindungan undang-undang hak cipta, kadar cukai yang rendah, komitmen kepada penentuan harga pasaran, tenaga pekerja yang berpendidikan tinggi, sistem kewangan yang cekap, urus tadbir korporat yang mantap, infrastruktur yang maju dan pelbagai insentif cukai terus dianggap sebagai kelebihan yang ada pada Malaysia untuk mengembangkan FDI. Kajian ini telah memberi penumpuan kepada FDI di dua buah negara iaitu negara Malaysia dan China. Dari segi prestasi, perbandingan dibuat berdasarkan aliran masuk FDI, upah buruh dan GDP per kapita benar. Dari segi cabaran pula, analisis dilakukan terhadap faktor-faktor yang mempengaruhi kemasukan FDI ke negara Malaysia dan China. Tujuan kajian ini adalah untuk mengenalpasti pengaruh pemboleh ubah bebas iaitu upah buruh dan GDP per kapita benar terhadap FDI negara Malaysia dan China. Kaedah regrasi linear digunakan bagi menganggarkan hubungan setiap pemboleh ubah tersebut. Keputusan kajian membuktikan bahawa wujudnya perhubungan langsung antara upah buruh dan GDP per kapita benar dalam mempengaruhi FDI negara Malaysia dan China.

ABSTRACT

This paper examined the performance and challenges of Foreign Direct Investment (FDI) in Malaysia and China. Opened of trade, law protection to copyright, low tax rate, commitment in determination of market price, high education level of workers, efficient in monetary system and more incentive in taxes are assume as advantages of Malaysia to increase FDI. This study focused on FDI performance in Malaysia and China. This study try to compare the FDI flows, labour wage and Real GDP between Malaysia and China. In terms of challenges, it's analyzed the factors that influence FDI flow in Malaysia and China. Linear regression method has been used to estimated each of variable chosen. The result from this study show that there have positive relation between labour wage and Real GDP to FDI.

SENARAI KANDUNGAN

| | Halaman |
|---|----------------|
| PENGAKUAN | i |
| PENGHARGAAN | ii |
| ABSTRAK | iii |
| ABSTRACT | iv |
| SENARAI KANDUNGAN | v-vii |
| SENARAI JADUAL | viii |
| SENARAI RAJAH | ix |
| SENARAI KEPENDEKAN | x |
| BAB 1 : PENGENALAN | |
| 1.1 PENGENALAN | 1-3 |
| 1.2 PELABURAN LANGSUNG ASING (FDI) | 3 |
| 1.2.1 Perolehan Data FDI | 3 |
| 1.2.2 Dasar FDI | 4-5 |
| 1.2.3 Manfaat FDI | 6 |
| 1.2.4 Pelaburan Syarikat yang Dikuasai Warganegara Malaysia | 7-10 |
| 1.2.5 Aliran FDI di Malaysia | 11-16 |
| 1.2.6 FDI Dalam Perspektif Rantau | 16-17 |
| 1.3 PERMASALAHAN KAJIAN | 18-19 |
| 1.4 OBJEKTIF KAJIAN | 20 |
| 1.4.1 Objektif Umum | 20 |
| 1.4.2 Objektif Khusus | 20 |
| 1.5 KEPENTINGAN KAJIAN | 20 |
| 1.6 SKOP KAJIAN | 21 |
| 1.7 ORGANISASI KAJIAN | 21-22 |

BAB 2 : SOROTAN KAJIAN

| | | |
|-----|----------------|-------|
| 2.1 | PENGENALAN | 23 |
| 2.2 | SOROTAN KAJIAN | 23-27 |
| 2.3 | RUMUSAN | 27 |

BAB 3 : METODOLOGI KAJIAN

| | | |
|---------|--|-------|
| 3.1 | PENGENALAN | 28 |
| 3.2 | KAEDAH KAJIAN | 28 |
| 3.2.1 | Data Kajian | 28 |
| 3.2.2 | Analisis Regrasi Linear | 28 |
| 3.2.2.1 | Pembentukan Model Kajian | 29 |
| 3.2.2.2 | Sebab-Sebab Pemilihan Pembolehubah Bebas | 29-30 |
| 3.2.3 | Ujian Signifikan | 30-31 |
| 3.2.4 | Ujian-F Dan Nilai R^2 | 31 |
| 3.3 | RUMUSAN | 31 |

BAB 4 : ANALISIS DATA

| | | |
|-----|--|-------|
| 4.1 | PENGENALAN | 32 |
| 4.2 | KEPUTUSAN KAJIAN | 32-38 |
| 4.3 | PERBANDINGAN PRESTASI DI ANTARA NEGARA MALAYSIA DAN CHINA | 38-40 |
| 4.4 | KESIMPULAN | 41 |

BAB 5 : IMPLIKASI DASAR DAN RUMUSAN

| | | |
|-----|--|-------|
| 5.1 | PENGENALAN | 42 |
| 5.2 | RUMUSAN HASIL KAJIAN | 42-43 |
| 5.3 | KERJASAMA PERDAGANGAN DI ANTARA NEGARA MALAYSIA DAN CHINA | 43-44 |

| | | |
|-----|---|-------|
| 5.4 | CABARAN-CABARAN KEMASUKAN FDI KE NEGARA MALAYSIA | 44-48 |
| 5.5 | CADANGAN PENYELESAIAN | 48-49 |
| 5.6 | KESIMPULAN | 49 |
| | RUJUKAN | 50-51 |
| | LAMPIRAN | 52-63 |

SENARAI JADUAL

| | Halaman |
|--|----------------|
| Jadual 1: Aliran FDI Tahunan Dalam <i>USD billions</i> | 19 |
| Jadual 2 : Ringkasan Model(b) | 33 |
| Jadual 3 : Anova(b) | 34 |
| Jadual 4 : Koefisien(a) | 34 |
| Jadual 5 : Ringkasan model(b) | 36 |
| Jadual 6 : Anova(b) | 37 |
| Jadual 7 : Koefisien(a) | 37 |

SENARAI RAJAH

| | Halaman |
|---|----------------|
| Rajah 1 : Keuntungan dan Dividen | 6 |
| Rajah 2 : Aliran Kasar FDI (1990-2002) | 11 |
| Rajah 3 : Komponen FDI Kasar | 12 |
| Rajah 4 : FDI Kasar Mengikut Sektor | 14 |
| Rajah 5 : FDI Dalam Perkhidmatan | 15 |
| Rajah 6 : FDI Pada Akhir Tahun 2002 | 16 |
| Rajah 7: Sepuluh Penerima FDI Ekonomi Membangun Yang Teratas Pada Tahun 2002 | 17 |
| Rajah 8 : Perbandingan Aliran FDI di antara Negara Malaysia dan China | 38 |
| Rajah 9 : Perbandingan Upah Buruh di antara Negara Malaysia dan China | 39 |
| Rajah 10 : Perbandingan GDP Per kapita Benar di antara Negara Malaysia dan China | 40 |
| Rajah 11: Peratusan Kemasukan FDI di Rantau Asia Tenggara Bagi Tahun 1985-2005 | 48 |

SENARAI KEPENDEKAN

| | |
|--------|--|
| ACFTA | : Kawasan Perdagangan Bebas ASEAN-China |
| CIPE | : Pelaburan Modal Setiap Pekerja |
| CBOP | : Laporan Imbangan Pembayaran Berasaskan Tunai |
| DOS | : Jabatan Perangkaan Malaysia |
| FDI | : Pelaburan Langsung Asing |
| FTA | : Perjanjian Perdagangan Bebas |
| GDP | : Pendapatan Per kapita Benar |
| GLC | : Syarikat yang dikuasai Warganegara Malaysia |
| IMF | : International Monetary Fund |
| IDP | : Ide Laluan Pengembangan Pelaburan |
| IOFC | : Pusat Kewangan Luar Pesisir Antarabangsa |
| KDNK | : Keluaran Dalam Negara Kasar |
| MSC | : Koridor Raya Multimedia |
| MIDA | : Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia |
| MDC | : <i>Multimedia Development Corporation</i> |
| RCC | : Syarikat yang dikuasai Pemastautin Malaysia |
| RTA | : Perjanjian Perdagangan Serantau |
| UNCTAD | : Laporan Pelaburan Dunia |
| WI | : Upah Buruh |

BAB 1

LATAR BELAKANG KAJIAN

1.1 PENGENALAN

Pelaburan Langsung Asing (FDI) ialah satu bentuk pelaburan langsung syarikat yang melabur di luar negara dengan tujuan mendapatkan kepentingan berpanjangan atau pun didefinisikan sebagai pemilikan sekurang-kurangnya 10 peratus daripada ekuiti syarikat (International Monetary Fund, IMF, 2006).

Kepentingan pelaburan langsung asing (FDI) kepada ekonomi negara dapat ditunjukkan daripada sumbangannya kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) Malaysia yang telah meningkat daripada 21 peratus kepada 38 peratus bagi tempoh tahun 1980-97 (UNCTD, 1999). Malaysia merupakan negara yang ke-16 terbanyak menerima aliran masuk FDI pada tahun 1996 (UNCTD, 1998). Di kalangan negara-negara membangun, Malaysia menduduki tangga ke-7 berbanding dengan negara China yang merupakan penerima terbanyak FDI pada tahun 1996. Bagi tempoh 1970-94, Malaysia adalah di kalangan lima negara membangun yang terbanyak menerima aliran masuk FDI dalam ekonominya (UNCTD 1995). Kemasukan FDI ke Malaysia sebahagian besarnya adalah dari Amerika Syarikat, Jepun, Belanda, Singapura dan United Kingdom. Malahan, Amerika Syarikat, Jepun dan Singapura merupakan pelabur tradisi dalam konteks perkembangan FDI di Malaysia. Pada tahun 1998 umpamanya, kelima-lima

negara ini telah menyumbangkan kira-kira 80 peratus daripada jumlah kemasukan FDI ke Malaysia dan pelaburannya bertumpu dalam sektor pembuatan khususnya industri elektronik dan industri kimia.

Selain itu, pada tahun 2004 kemasukan FDI dari luar negara ke Malaysia adalah sebanyak \$4,624 juta iaitu 19.2 peratus. Pada tahun yang sama pengeluaran FDI ke luar negara adalah sebanyak \$2,061 juta iaitu 8.5 peratus. Kemasukan FDI pada tahun berikut pula, adalah berjumlah \$3,965 juta iaitu sebanyak 15.2 peratus dan FDI ke luar negara meningkat kepada \$2972 juta iaitu 11.2 peratus. Tahun 2006 mencatatkan kemasukan FDI sebanyak \$6,060 juta iaitu 20.1 peratus manakala FDI ke luar negara pula meningkat dua kali ganda iaitu \$6,041 atau pun 20.1 peratus. Peningkatan ini jelas membuktikan kemajuan dalam FDI ke dalam negara dan juga ke luar negara (UNCTAD, Laporan Pelaburan Dunia, 2007).

Di samping menerima kemasukan FDI, pelabur tempatan juga turut melabur ke luar negara (*reverse investment*) khususnya ke negara-negara membangun yang lain seperti di Afrika Selatan, Kemboja, China, Vietnam dan Papua New Guinea. Pada tahun 2004 kemasukan FDI ke China adalah sebanyak \$60,630 juta iaitu 8.0 peratus. Pada tahun yang sama pengeluaran FDI China ke luar negara adalah sebanyak \$5498 juta iaitu 0.7 peratus sahaja. Kemasukan FDI pada tahun berikut pula adalah berjumlah \$72,406 juta iaitu sebanyak 8.8 peratus dan FDI China ke luar negara meningkat kepada \$12,261 juta iaitu 1.5 peratus. Tahun 2006 mencatatkan kemasukan FDI sebanyak \$69,468 juta iaitu 8.0 peratus manakala FDI ke luar negara pula meningkat kepada \$16,130 juta atau pun 1.9 peratus (UNCTAD, Laporan Pelaburan Dunia, 2007).

Bagaimanapun, nilai aliran keluar FDI Malaysia adalah kecil jika dibandingkan dengan nilai kemasukan FDI ke Malaysia. Selain itu, sebahagian besar daripada FDI Malaysia yang dilaburkan di negara-negara membangun tertumpu dalam sektor infrastruktur (termasuk pembelian hartanah) dan sektor

penjanaan kuasa. Tumpuan FDI Malaysia dalam sektor-sektor berkenaan jelas sekali berbeza dengan corak kemasukan FDI ke Malaysia yang lebih menjurus kepada sektor pembuatan.

1.2 PELABURAN LANGSUNG ASING (FDI)

1.2.1 Perolehan Data FDI

Aliran sebenar FDI dilaporkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia (DOS) dalam akaun kewangan imbangan pembayaran yang disiarkan pada setiap suku tahun. Data DOS merujuk kepada pelaburan sebenar yang dilaburkan di Malaysia dalam semua sektor. Data tersebut berbeza daripada data permohonan dan kelulusan yang disiarkan oleh Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia (MIDA) pada setiap suku tahun yang merekod terutamanya pelaburan dalam sektor perkilangan dan meliputi pelabur yang memohon pelbagai insentif cukai. Data MIDA juga tidak meliputi pelaburan dalam sektor minyak dan gas.

Data dalam akaun kewangan imbangan pembayaran merangkumi kesemua tiga komponen FDI iaitu modal ekuiti, perolehan yang dilabur semula dan modal lain (khususnya urus niaga pinjaman antara syarikat). Selain daripada kaji selidik suku tahunan DOS, Bank Negara Malaysia menyelenggarakan Sistem Laporan Imbangan Pembayaran berasaskan Tunai (CBOP). Dalam sistem ini, Bank Negara Malaysia boleh menyediakan data aliran sebenar FDI untuk ke semua urus niaga merentasi sempadan antara pemaustatin dan bukan pemastautin yang dikendalikan melalui sistem perbankan, akaun antara syarikat dan akaun luar negeri.

1.2.2 Dasar FDI

Malaysia mengekalkan rejim yang liberal terhadap pelaburan luar negara. Sebelum krisis Asia, pemastautin tanpa membuat pinjaman dalam negara bebas mengirim sebarang jumlah mata wang asing untuk FDI, manakala individu dan kumpulan korporat yang membuat pinjaman dalam negara masing-masing dibenarkan melabur di luar negara sehingga nilai bersamaan RM100,000 dan RM10 juta bagi setiap tahun kalendar. Bagi pelaburan yang memerlukan kelulusan, pelaburan itu perlu menjana manfaat ekonomi kepada Malaysia, seperti membantu Malaysia mendapat akses pasaran, menggalakkan penggunaan input Malaysia (bahan mentah, bahagian dan komponen), membantu pengeksportan produk atau perkhidmatan Malaysia atau melibatkan pemindahan teknologi dan pengetahuan ke Malaysia. Pada tempoh selepas krisis Asia, pendirian dasar terus liberal meski pun terdapat keperluan bagi pelabur pemastautin untuk mendapat kebenaran terlebih dahulu. Pada bulan April 2005, peraturan berhubung dengan FDI terus dilonggarkan. Secara keseluruhan, garis panduan tersebut lebih liberal berbanding dengan garis panduan yang ada sebelum 1 September 1998. Syarikat pemastautin yang membuat pinjaman dalam negara dibenarkan melabur di luar negara dengan menggunakan dana mata wang asing yang diselenggara di Malaysia atau di luar pesisir.

Di samping itu, syarikat pemastautin juga dibenarkan melindungi nilai risiko pertukaran asing bagi pelaburan luar negara mereka yang sedia ada dan yang baru. FDI turut dipermudah oleh penyertaan Kerajaan Malaysia yang aktif dalam forum serantau dan antarabangsa untuk memperluas kerjasama ekonomi dan perindustrian. Inisiatif lain termasuk insentif fiskal yang disediakan dan sokongan bukan kewangan seperti khidmat nasihat dan rundingan untuk mendapat projek pembinaan di luar negara. Bajet 2007 baru-baru ini telah menggariskan beberapa langkah untuk membantu pembentukan syarikat multinasional milik warganegara Malaysia yang mempunyai operasi di peringkat global. Langkah ini termasuk penambahan modal berbayar EXIM Bank sebanyak

RM2 bilion oleh kerajaan untuk mempertingkatkan peranan bank itu dalam menyediakan pembiayaan kepada syarikat tempatan yang melabur di luar negeri, dan penubuhan Dana Pelaburan Luar Negara dengan peruntukan sebanyak RM100 juta untuk membiayai kos permulaan syarikat tempatan yang menjalankan perniagaan di luar negara. Di samping itu, Bank Negara Malaysia juga telah menubuhkan Dana Pembiayaan Projek Luar Negara bernilai RM1 bilion melalui EXIM Bank pada tahun 2006. Dana ini bertujuan membantu syarikat Malaysia mendapat kontrak luar negara dan memperoleh akses kepada pembiayaan yang lebih luas dalam menjalankan projek mereka di luar negara.


Kekukuhan asas ekonomi Malaysia seperti keterbukaan perdagangan, perlindungan undang-undang hak cipta, kadar cukai yang rendah, komitmen kepada penentuan harga pasaran, tenaga pekerja yang berpendidikan tinggi, sistem kewangan yang cekap, urus tadbir korporat yang mantap, infrastruktur yang maju dan pelbagai insentif cukai terus dianggap sebagai kelebihan yang ada pada Malaysia untuk mengembangkan FDI. Terdapat tiga falsafah umum yang membentuk dasar yang khusus untuk FDI:

- i. Insentif cukai dan tanpa cukai untuk menggalakkan industri tertentu;
- ii. Liberalisasi secara berperingkat untuk sektor dari segi kemasukan pasaran, peraturan pengambilan pekerja berkemahiran, pemilikan ekuiti dan pelonggaran peraturan dan pengawalan; dan
- iii. Peningkatan dalam proses pentadbiran dan meminimumkan kos untuk menubuhkan dan menjalankan perniagaan di Malaysia.

1.2.3 Manfaat FDI

Pulangan pelaburan akan hanya dapat diraih dalam tempoh yang lebih panjang, memandangkan FDI merangkumi pelaburan jangka panjang yang dibuat dalam persekitaran baru dan tertakluk kepada pelbagai risiko luaran seperti perubahan dasar kerajaan (termasuk undang-undang pemilikan), perubahan dalam kadar pertukaran, keadaan cuaca buruk, perubahan keadaan politik secara tiba-tiba, dan persaingan dengan peserta pasaran dalam negeri dan antarabangsa di negara tuan rumah. Jumlah keuntungan, dividen dan faedah yang terakru kepada syarikat Malaysia yang melabur di luar negara meningkat daripada RM0.4 bilion pada tahun 1999 kepada RM4.1 bilion pada tahun 2005 (Rajah 1). Peningkatan ini mencerminkan terutamanya pemulihan yang ketara dalam keuntungan dan dividen yang terakru kepada sektor bukan bank, sementara keuntungan dan dividen yang terakru kepada bank terus stabil. Secara keseluruhan, jumlah pendapatan FDI yang diperolehi mencakupi kira-kira 26 peratus daripada jumlah aliran masuk pendapatan pelaburan pada tahun 2005.

Rajah 1 : Keuntungan dan Dividen



Sumber : Jabatan Perangkaan Malaysia

1.2.4 Pelaburan Syarikat yang Dikuasai Warganegara Malaysia

Pelaburan oleh syarikat yang dikuasai pemastautin atau *resident-controlled companies* (RCC) swasta dan syarikat yang dikuasai warganegara Malaysia (GLC) mencakupi 61 peratus daripada jumlah aliran keluar dana kasar untuk pelaburan langsung di luar negara pada tempoh 1999-2005. Sebahagian besar pelaburan dibuat oleh syarikat dalam sektor perkhidmatan (48 peratus), diikuti syarikat perlombongan (31 peratus), dan pertanian dan perkilangan (8 peratus setiap sektor). GLC merupakan pelabur utama dalam industri minyak dan gas, dan telekomunikasi, sementara RCC merupakan peneraju utama pelaburan dalam industri perkilangan, utiliti, hiburan, perladangan, pembinaan, dan perbankan dan kewangan.

Dalam sektor **perkhidmatan**, pelaburan tertinggi (43 peratus) adalah dalam sub sektor kewangan, insurans dan perkhidmatan perniagaan, diikuti pengangkutan, penyimpanan dan komunikasi (20 peratus), utiliti (20 peratus), dan perdagangan edaran, hotel dan restoran (12 peratus). Sebahagian besar daripada pelaburan dalam sub sektor **kewangan, insurans dan perkhidmatan perniagaan** mencerminkan aktiviti syarikat induk pelaburan (*investment holding companies*) yang ditubuhkan di pusat kewangan luar pesisir antarabangsa (IOFC) untuk mengurus operasi pelaburan global secara berpusat. Selain itu, beberapa institusi kewangan juga menjalankan usaha niaga di luar negara untuk bertapak dalam perniagaan broker saham dan bank pelaburan serantau atau antarabangsa. Pelaburan dalam sub sektor **pengangkutan, penyimpanan dan komunikasi** dibuat terutamanya oleh syarikat dalam industri telekomunikasi melalui pengambilalihan dan usaha sama dengan syarikat telekomunikasi asing daripada lokasi berbeza termasuk Indonesia, Thailand, Perancis, Sri Lanka dan Bangladesh. Pelaburan ini didorong terutamanya oleh potensi pertumbuhan yang sangat besar memandangkan sebahagian besar daripada pasaran di sesetengah negara berkenaan belum diteroka. Dalam sub sektor utiliti (elektrik, gas dan air), pelaburan utama termasuklah pemerolehan aset terkawal seperti syarikat

perkhidmatan air dan loji jana kuasa di luar negeri. Syarikat tenaga negara juga telah mengatur dan memulakan usaha sama dalam projek tenaga merentas Asia sebagai satu daripada inisiatifnya untuk memperkukuh grid tenaga ASEAN melalui pengoptimuman sumber serantau.

Dalam subsektor **perdagangan borong dan runcit, hotel dan restoran**, sebahagian besar pelaburan ke luar negara adalah dalam industri perdagangan edaran dan hotel. Kebanyakan pelaburan tertumpu di negara perindustrian dan rantau Asia Timur, memandangkan jangkaan terhadap prospek pertumbuhan yang kukuh dan meningkat di negara-negara tersebut. Ini selanjutnya disokong ciri demografi yang positif dan pendapatan penduduk yang meningkat, yang akan menyediakan jumlah pelanggan yang berkembang dan yang menguntungkan. Pemborong yang melabur di luar negara mengkhusus terutamanya dalam produk elektrik dan elektronik (E&E), bahan binaan, pelbagai produk pertanian seperti getah dan kayu balak, manakala sebahagian besar daripada peruncit menjual barang dagangan am, perkakasan dan perisian komputer, dan pelbagai produk isi rumah.

Pelaburan Malaysia di luar negara dalam sektor **perlombongan** dibuat terutamanya oleh syarikat minyak negara yang merupakan sebuah GLC. Dengan didorong pengetahuan dan pengalaman yang luas dalam aktiviti penerokaan dan cari gali minyak dan gas di Malaysia, dan jangkaan bahawa permintaan global terhadap tenaga semakin meningkat, syarikat ini melaksanakan strategi kepelbagaian dan pengembangan global. Kejayaan usaha niaga haluan global telah juga meningkatkan hasil dan rizab minyak dan gas asli antarabangsa syarikat ini. Pada tempoh 1999-2005, syarikat ini membuat pelaburan berkaitan petroleum di banyak lokasi di Afrika, Asia Barat, negara perindustrian, dan ASEAN. Pelaburan utama syarikat ini adalah dalam aktiviti penerokaan dan cari gali minyak dan gas asli, dan kebanyakannya diusahakan secara bersama dengan syarikat minyak nasional di negara tuan rumah.

Sementara itu, sebahagian besar daripada pelaburan dalam sektor **pertanian** adalah dalam ladang kelapa sawit. Indonesia telah menerima bahagian yang besar daripada pelaburan dari Malaysia untuk penanaman kelapa sawit selama lebih daripada satu dekad. Memandangkan permintaan global terhadap keluaran minyak sawit semakin meningkat, dan dengan pengalaman serta keupayaan teknikal syarikat Malaysia dalam pengurusan ladang dan pengeluaran minyak sawit mentah, syarikat Malaysia dijangka terus melabur di luar negara untuk mendapat tanah ladang bagi menambah keluasan kawasan tanaman untuk meraih manfaat ekonomi ikut bidangan.

Dalam sektor **perkilangan**, banyak RCC swasta yang pada mulanya memasuki pasaran asing sebagai pengeksport, berubah menjadi pengilang di luar negeri. Syarikat tersebut mencari peluang pelaburan yang akan memaksimumkan nilai dalam rangka kerja risiko-pulangan mereka secara global. Pelaburan perkilangan di luar negara tertumpu pada tiga industri utama iaitu keluaran logam yang direka, jentera dan kelengkapan (48 peratus); makanan, minuman dan tembakau (14 peratus); dan industri berkaitan kimia dan petroleum (10 peratus). Negara perindustrian dan rantau Asia menerima sebahagian besar daripada pelaburan dalam kumpulan keluaran logam yang direka, jentera dan kelengkapan, yang terdiri daripada industri yang mengeluarkan perkakas elektrik dan kelengkapan isi rumah (seperti radio, televisyen, separa konduktor dan komponen elektronik lain), dan industri berkaitan kelengkapan pengangkutan. Syarikat dalam industri makanan, minuman dan tembakau juga melabur di negara perindustrian dan rantau Asia Timur meski pun beberapa syarikat, seperti syarikat pengilang dan penapisan gula lebih cenderung melabur melalui IOFC. Sementara itu, pelaburan dalam industri berkaitan kimia dan petroleum, khususnya industri keluaran plastik, getah, dan berkaitan kimia, tertumpu di rantau ASEAN, terutamanya di Thailand, Indonesia dan Vietnam.

Banyak faktor yang mendorong pelaburan pengilang di luar negeri. Namun, pengilang E&E tertarik terutamanya kepada peluang menjadi pengeluar


kos rendah di luar negeri. Oleh itu, syarikat berkenaan menggunakan strategi syarikat multinasional, iaitu pemisahan dan penempatan semula operasi intensif sumber ke lokasi kos rendah di luar negeri untuk mengekalkan daya saing produk. Syarikat lain yang memperoleh kepentingan dalam atau membentuk usaha sama dengan rakan niaga asing di luar negeri mampu menaiki rantaian nilai pengeluaran dan juga mempunyai pengurusan rantaian bekalan yang bersepadu. Hasrat untuk memperoleh aset fizikal seperti kemudahan perkilangan, teknologi tinggi dan kepakaran pengurusan, jenama dan hak tanda dagangan (*trademark*) bagi produk terkenal atau sumber penting juga telah mendorong syarikat untuk melabur di luar negeri. Untuk memanfaatkan kelebihan lokasi yang berhampiran dengan pelanggan dan pasaran, syarikat dalam industri makanan dan minuman telah membina kilang mereka di negara membangun yang mengalami pertumbuhan yang tinggi dengan memanfaatkan sumber yang murah dan permintaan terhadap makanan diproses yang tinggi dan mapan selaras dengan peningkatan am dalam pendapatan.

Sementara itu, syarikat **pembinaan** dan pembangunan harta tanah Malaysia mula mendapat tempat di luar negeri. Dengan didorong keperluan mencari sumber hasil baru di luar Malaysia, pelaburan mereka lebih menyeluruh. Pelaburan ini merangkumi pengambilalihan syarikat pembinaan terutamanya di United Kingdom dan Hong Kong, China hinggalah kepada projek konsesi infrastruktur dan pembangunan harta tanah di negara membangun di Asia dan Afrika terutamanya di India, Afrika Selatan, Republik Rakyat China, Kemboja dan Indonesia. Meskipun berhadapan dengan persaingan yang sengit, namun berlandaskan rekod pencapaian dan kepakaran dalam kejuruteraan awam dan pembangunan serta pengurusan harta tanah, syarikat Malaysia berjaya mendapat projek pembangunan besar seperti pembinaan jalan, jambatan, pelabuhan dan lapangan terbang, di samping projek lebih kecil lain seperti rumah kediaman dan perbandaran dan projek pembangunan lain dalam sektor air, minyak dan gas.

1.2.5 Aliran FDI di Malaysia

Aliran FDI ke dalam negara Malaysia terus kekal pada tahap yang tinggi, kira-kira RM18–20 bilion pada tahun-tahun kebelakangan ini. Aliran masuk FDI ke negara Malaysia menyumbang kepada penubuhan industri dan produk yang baru, pengenalan proses dan teknologi pengeluaran yang baru, pertumbuhan perkhidmatan sokongan, penyelidikan dan pembangunan serta akses kepada pasaran baru.


Rajah 2 : Aliran Kasar FDI (1990-2002)



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia : Anggaran Bank Negara Malaysia

Rajah 2 menunjukkan aliran kasar FDI dari tahun 1990 hingga 2002. Walaupun pada tahun 1990 kemasukan FDI hanya mencatatkan RM 7.5 bilion atau pun 7 peratus, namun aliran kemasukan FDI ini meningkat kepada RM 22.5 bilion pada tahun 1996. Pada tahun 2002 aliran kemasukan FDI ke Malaysia menurun kepada RM 20 bilion iaitu 6 peratus.

Rajah 3 : Komponen FDI Kasar



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia : Anggaran Bank Negara Malaysia

Rajah 3 menunjukkan komponen FDI kasar iaitu modal ekuiti, modal lain dan perolehan yang dilabur semula. Berdasarkan carta pai di atas pada tahun 1993 hingga 1997, 40 peratus adalah perolehan yang dilabur semula, 31 peratus adalah modal lain dan 29 peratus adalah modal ekuiti. Pada tahun 1998 hingga 2002 pula, jumlah perolehan yang dilabur semula adalah sebanyak 46 peratus, modal lain 28 peratus dan modal ekuiti pula 26 peratus.

Aliran FDI selepas tempoh krisis kekal stabil disebabkan Syarikat Multinational (MNC) yang beroperasi di Malaysia terus melabur semula perolehan yang tidak diagih untuk mengembangkan, mempertingkatkan dan mempelbagaikan pengeluaran mereka walaupun terdapat persaingan yang lebih sengit daripada negara-negara yang mempunyai kos buruh yang rendah di rantau ini. Perolehan yang dilabur semula mencakupi hampir separuh daripada aliran kasar FDI bagi tempoh 1998 hingga 2002.

Sebahagian daripada KDNK, aliran FDI kasar terus kekal pada 6 peratus pada tahun-tahun selepas krisis, berbanding dengan purata 8 peratus pada


pertengahan tahun 1990an ketika aliran FDI memuncak. Ini adalah disebabkan oleh dua perkembangan yang utama:

- Antara tahun 1990 hingga 2002, pelaburan modal setiap pekerja (CIPE) dalam sektor perkilangan meningkat sebanyak 66 peratus, menunjukkan dengan jelas trend ke arah pelaburan dalam projek bernilai ditambah yang lebih tinggi dan berteknologi tinggi serta pengambilan pekerja yang mempunyai kemahiran yang tinggi. Walau bagaimanapun, pada tahun 2001 hingga 2003, CIPE dalam sektor perkilangan merosot disebabkan sebahagian besar daripada peningkatan dalam pelaburan adalah terutamanya daripada pengembangan, peningkatan dan pelbagaian projek yang sedia ada. Pada masa hadapan, pertumbuhan CIPE dijangka dapat dikekalkan berikutan usaha kerajaan untuk menggalakkan pelaburan dalam sektor baru yang mempunyai pertumbuhan tinggi seperti bioteknologi dan industri berasaskan pertanian.
- Memandangkan sebahagian besar aliran FDI adalah disasarkan pada sektor perkhidmatan yang mempunyai nilai ditambah yang lebih tinggi serta aktiviti berasaskan pengetahuan, aliran masuk FDI bagi setiap pelaburan menjadi lebih rendah. Nilai FDI dalam sektor perkhidmatan memperlihatkan nilai yang lebih kecil dengan kandungan import yang rendah tetapi mempunyai kesan pengganda yang lebih besar ke atas pendapatan dan guna tenaga. FDI dalam sektor perkhidmatan lazimnya termasuk pengenalan teknologi baru dan kemasukan kemahiran khas yang boleh menyumbang kepada peningkatan produktiviti. Perubahan struktur dalam aliran FDI adalah sejajar dengan transformasi ekonomi Malaysia ke arah menjadikan sektor perkhidmatan sebagai satu lagi enjin pertumbuhan serta peralihan ke arah ekonomi berasaskan pengetahuan.

Walaupun bagaimanapun, ini tidak bermakna aliran masuk FDI ke dalam sektor perkilangan menjadi kurang penting. Aliran masuk FDI ke dalam sektor perkilangan masih tinggi, tetapi pertumbuhan pesat aliran masuk yang baru ke dalam sektor-sektor lain menyebabkan bahagiannya secara relatif menurun kepada 38 peratus pada tempoh 1998 hingga 2002, berbanding 66 peratus pada tempoh 1993 hingga 1997 (Rujuk Rajah 3). Sektor perkhidmatan serta minyak

dan gas mengalami peningkatan yang ketara dari segi bahagian dalam aliran FDI, masing-masing mencakupi sebanyak 38 peratus dan 24 peratus pada tempoh 1998 hingga 2002.

Rajah 4 : FDI Kasar Mengikut Sektor




Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia : Anggaran Bank Negara Malaysia

FDI dalam sektor perkhidmatan adalah semakin menyeluruh, bukan sahaja merangkumi sub sektor perkhidmatan pembiayaan, insurans dan perdagangan tetapi juga sub sektor lain yang penting seperti perdagangan borong dan runcit serta perhotelan, pengangkutan dan perhubungan serta utiliti. Dalam sektor kewangan, beberapa bank asing telah menubuhkan operasi perbendaharaan, pejabat sokongan (*back-office*) dan pemprosesan data di Malaysia bagi menyokong operasi kumpulan mereka di rantau ini. Malaysia telah menjadi tuan rumah kepada beberapa kemudahan serantau syarikat asing dan juga tempatan. Sehingga akhir tahun 2003, Kerajaan meluluskan 1,695 kemudahan serantau kepada syarikat milik asing dan juga tempatan. Daripada jumlah tersebut, 71 adalah ibu pejabat operasi (OHQ), 473 pejabat serantau, 141 pusat pemerolehan

antarabangsa (IPC), 1,006 pejabat perwakilan dan empat pusat pengagihan serantau (RDC).

Rajah 5 : FDI Dalam Perkhidmatan



Sumber: Sistem Laporan Imbangan Pembayaran Berasaskan Tunai, Bank Negara Malaysia

Rajah 5 di atas menunjukkan FDI dalam perkhidmatan. Pada tahun 1999 perkhidmatan pembiayaan, insurans dan perdagangan mencatatkan 79 peratus, manakala pada tahun 2002 mencatatkan hanya 51 peratus. Perdagangan borong dan runcit serta perhotelan pula mencatatkan 20 peratus pada tahun 1999 dan 42 peratus pada tahun 2002. Seterusnya perkhidmatan pengangkutan dan komunikasi hanya menyumbangkan sumbangan yang sangat minimum iaitu pada tahun 1999, 1 peratus dan pada tahun 2002 sebanyak 5 peratus.

Dalam sektor teknologi maklumat (IT), pusat IT Malaysia, iaitu Koridor Raya Multimedia (MSC) terus berkembang. Sehingga bulan Februari 2004, terdapat 283 syarikat asing yang beroperasi dalam MSC, mencakupi 29 peratus

daripada syarikat bertaraf MSC dengan guna tenaga lebih daripada 20,000 orang pekerja berpengetahuan. Bagi meningkatkan penyertaan pelabur asing, *Multimedia Development Corporation* (MDC) iaitu pentadbir MSC menawarkan pakej insentif kewangan. Syarikat-syarikat bertaraf MSC juga diberi keistimewaan dari segi kelonggaran pentadbiran untuk memperoleh modal dan meminjam dana dari seluruh dunia.

1.2.6 FDI Dalam Perspektif Rantau

Rajah 6 di bawah menunjukkan aliran FDI pada akhir tahun 2002. Di rantau ini, selain Hong Kong, China dan Singapura, Malaysia mempunyai kedudukan yang tinggi berbanding dengan kebanyakan ekonomi serantau yang lain dari segi aliran masuk FDI. Kehadiran MNC di Malaysia membuktikan kelebihan yang boleh ditawarkan oleh Malaysia dalam pengeluaran global atau rantaian pemasaran. Stok FDI Malaysia pada tahun 1996 adalah sebanyak 59 peratus manakala negara China pula sebanyak 36 peratus pada tahun 1997.


Rajah 6 : FDI pada akhir tahun 2002



Nota: Nombor HK diperbesarkan oleh aliran diarah semula ke dalam R.R. China melalui Hong Kong China oleh pelabur China Taipei serta 'round-tripping capital' oleh R.R. China (UNCTAD)

Sumber: UNCTAD

Rajah 7: Sepuluh Penerima FDI Ekonomi Membangun Yang Teratas Pada Tahun 2002



Sumber : UNCTAD

Rajah 7 menunjukkan sepuluh penerima FDI ekonomi membangun yang teratas pada tahun 2002. Negara Malaysia terletak pada kedudukan kelapan manakala negara China terletak di atas sekali. Laporan Pelaburan Dunia UNCTAD 2003 menyenaraikan Malaysia sebagai salah satu daripada sepuluh ekonomi teratas yang berjaya mengatasi kemerosotan aliran FDI global pada tahun 2002. Di samping itu, Laporan FDI tahun 2003 menunjukkan kedudukan FDI Malaysia terletak di tempat ke 23 dalam keseluruhan indeks keyakinan FDI. Secara lebih khusus, Malaysia berada di tempat yang ke sepuluh di mana negara teratas yang mendapat FDI bagi industri utama dan membaiki kedudukannya dalam sektor lain seperti elektronik, perlombongan, petrokimia, batu/gelas dan kimia/plastik serta perundingan (UNCTAD, 2002).

1.3 PERMASALAHAN KAJIAN

Sekiranya dibuat satu perbandingan di antara kemasukan FDI di Malaysia dengan negara-negara lain, kita akan mendapati Malaysia merupakan negara yang menikmati kemasukan FDI yang paling kurang. Misalnya, FDI di Indonesia bertambah daripada RM3.7 billion kepada RM12.96 billion, FDI di Thailand bertambah kepada RM5.18 billion; FDI di India bertambah daripada RM19.6 billion kepada RM22.2 billion. Sebaliknya FDI di Malaysia berkurangan daripada RM17 billion ke RM15.54 billion pada tahun 2005. Semasa merasmikan Forum Perniagaan Malaysia-China di Persada Johor pada 5 Julai 2007, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi menyatakan bahawa nilai pelaburan langsung asing (FDI) China ke Malaysia sejak tiga tahun lalu tidak menggambarkan hubungan kukuh antara sektor perniagaan kedua-dua negara. Sebagai contoh, ketika jumlah FDI Malaysia ke China berjumlah AS\$320 juta (RM1.09 bilion), FDI China ke Malaysia pula hanya bernilai AS\$30 juta (RM102 juta).

Kerajaan perlu mengaturkan alternatif-alternatif yang boleh membantu meningkatkan FDI ke Malaysia. Negara kita mempunyai sumber asli yang banyak dan pekerja yang berpendidikan tinggi yang semakin bertambah. Namun demikian, kita masih gagal menarik pelabur asing untuk terus melabur ke Malaysia. Adakah ini disebabkan oleh negara kita kekurangan persekitaran perniagaan yang memberangsangkan? Apakah langkah-langkah yang akan diambil oleh kerajaan untuk menarik kemasukan FDI ke Malaysia?

Jadual 1: Aliran FDI Tahunan Dalam USD billions

| NEGARA | Nota 1 | Nota 2 | <i>Perubahan purata tahun 2006</i> |
|-----------------------------|--------|---------|------------------------------------|
| Malaysia | 4.7 | 3.9 | - 17% |
| Indonesia | 1.5 | 2.0 | + 33% |
| Thailand | 3.2 | 7.9 | +147% |
| Singapore | 9.2 | 31.9 | +247% |
| China | 30.1 | 70.0 | +133% |
| <i>Perkembangan Ekonomi</i> | 134.7 | 367.7 | +173% |
| <i>Dunia</i> | 495.4 | 1,230.4 | +148% |

Nota 1: Dipetik daripada Laporan Pelaburan Dunia, Tahun 2006.

Nota 2: Anggaran Pelaburan Dunia Bagi Tahun 2007.

Sumber : Statistik UNCTAD, 2007.

Statistik di atas menunjukkan, berlaku penurunan dalam pelaburan Malaysia pada tahun 2007. Jika dianggap Malaysia sebagai satu destinasi pelaburan global, ternyata Malaysia sudah keciciran, bukan sahaja di kalangan negara jirannya, tetapi juga oleh keseluruhan ekonomi yang membangun dan dunia sejagat. Dalam keadaan ini, suatu kajian harus dilakukan agar kelemahan FDI di Malaysia dikenalpasti dan diatasi oleh pihak berkuasa.

1.4 OBJEKTIF KAJIAN

1.4.1 OBJEKTIF UMUM

Objektif umum kajian ini ialah mengkaji prestasi dan cabaran yang dihadapi oleh Pelaburan Langsung Asing (FDI) di negara Malaysia dan China.

1.4.2 OBJEKTIF KHUSUS

Objektif khusus dalam kajian ini ialah :

- a) Mengenalpasti faktor-faktor kemasukan Pelaburan Langsung Asing (FDI) di negara Malaysia dan China.
- b) Mengkaji prestasi dan cabaran-cabaran yang dihadapi dalam FDI di negara Malaysia dan China.

1.5 KEPENTINGAN KAJIAN

Melalui kajian ini, kita boleh mengetahui cabaran dan prestasi yang dihadapi oleh FDI di Malaysia dan China. Selain itu, boleh mengenalpasti sejauh mana upah buruh dan GDP per kapita benar mempengaruhi FDI negara Malaysia dan China. Dari segi prestasi pula dibuat analisis berdasarkan perbandingan di antara aliran masuk FDI, upah buruh dan GDP per kapita benar negara Malaysia dan China. Dengan ini, boleh mengetahui prestasi negara Malaysia dan China lebih mendalam. Dari segi cabaran pula, analisis dilakukan terhadap faktor-faktor yang menghalang kemasukan FDI terutamanya ke negara Malaysia dan China. Kaedah kajian yang digunakan iaitu analisis regresi linear ini akan memberikan hasil kajian yang lebih jitu dan tepat.

1.6 SKOP KAJIAN

Kajian ini akan membincangkan FDI di negara Malaysia dan China dari tahun 1983 hingga tahun 2003 dari segi prestasi dan cabaran-cabaran yang dihadapinya. Seterusnya, kajian juga dilakukan untuk mengenalpasti sama ada upah buruh (WI) dan GDP per kapita benar (GDP) mempengaruhi FDI di negara China dan Malaysia. Selain itu, kajian juga akan dilakukan terhadap kemasukan negara China dalam dunia pelaburan langsung asing. Ini kerana, Malaysia telah mengalami kekurangan FDI semenjak penyertaan China ke dalam WTO seperti negara-negara lain di Asia Tenggara. Sebelum ini, ramalan dibuat bahawa China, selepas penyertaannya ke dalam WTO akan menjadi “Lubang Hitam untuk FDI” dan menelan semua pelaburan asing. Pada bulan Oktober 2003 di Pulau Pinang, Syarikat Intel mengumumkan bahawa negara China menguasai kira-kira 80 peratus daripada FDI dunia di Asia Timur manakala 20 peratus dikongsi di antara negara-negara Asia Timur lain yang terdiri daripada Malaysia, Negara Thai, Singapura, Indonesia, Filipina dan Vietnam. Aliran FDI dan hakikat ini belum lagi ditangani secara serius oleh pihak kerajaan kita.

1.7 ORGANISASI KAJIAN

Penulisan kertas projek ini, terdiri daripada lima bab seperti berikut:

Bab 1 membincangkan tentang konsep Pelaburan Langsung Asing(FDI). Bahagian ini juga mengutarakan persoalan kajian dan objektif bagi menjalankan kajian ini. Malah, skop dan kepentingan kajian juga dinyatakan secara terperinci bagi melicinkan perjalanan keseluruhan kajian.

Bab 2 mengkaji dengan lebih lanjut berkenaan sorotan kajian iaitu kajian-kajian lepas yang telah dilakukan sebelum ini yang mempunyai kaitan dengan kajian ini. Sorotan kajian diperolehi daripada jurnal-jurnal, artikel, buku dan

bahan bacaan ilmiah yang lain. Dengan menganalisis kajian lepas, kita boleh mengetahui lebih mendalam berkaitan isu-isu FDI di seluruh dunia.

Bab 3 merangkumi metodologi yang digunakan bagi mengukur prestasi dan cabaran FDI di negara China dan Malaysia. Kaedah yang digunakan ialah kaedah Analisis Regresi Linear kerana ia sesuai digunakan untuk data kajian yang mempunyai satu pembolehubah bersandar dan beberapa pembolehubah bebas.

Bab 4 menunjukkan hasil keputusan bagi keseluruhan kajian. Ini juga merupakan rumusan bagi hipotesis kajian yang dijalankan. Setiap keputusan yang diperolehi dari kajian ini diperjelaskan dengan teliti. Keputusan dipersembahkan dalam bentuk graf dan jadual. Analisis SPSS digunakan bagi mendapatkan hasil keputusan kajian yang lebih tepat.

Bab 5 pula merangkumi rumusan bagi hasil kajian serta membincangkan implikasi dan cadangan berdasarkan kepada keputusan kajian ini agar dapat meningkatkan lagi tingkat kemasukkan FDI di Malaysia.

BAB 2

SOROTAN KAJIAN

2.1 PENGENALAN

Bab ini mengkaji dengan lebih lanjut berkenaan sorotan kajian-kajian lepas yang telah dilakukan sebelum ini dan mempunyai kaitan dengan kajian ini. Sorotan kajian diperolehi daripada jurnal-jurnal, artikel, buku dan bahan bacaan ilmiah yang lain. Dengan menganalisis kajian lepas, kita boleh mengetahui lebih mendalam berkaitan isu-isu FDI di seluruh dunia. Penerangan kajian lepas adalah penting kerana ianya dapat membantu dan menyokong kajian yang akan dilakukan agar kajian tersebut lebih tepat dan boleh dipercayai.

2.2 SOROTAN KAJIAN

Ide Laluan Pengembangan Pelaburan (IDP) telah diperkenalkan oleh **Dunning (1979)**. Hipotesis IDP menyatakan bahawa terdapat hubungan antara tingkat pembangunan sesebuah negara (diproksikan oleh Keluaran Negara Kasar per kapita) dengan kedudukan pelaburan antarabangsanya (stok FDI bersih, iaitu aliran keluar FDI ditolak dengan aliran masuk FDI). Artikel ini menguji ide IDP bagi kes Malaysia. Hubungan antara pelaburan dengan pembangunan ini akan dilihat berasaskan data bagi tempoh 1970-1998. Tujuannya ialah untuk menentukan sama ada FDI di Malaysia menepati jangkaan seperti apa yang

disarankan dalam teorem IDP. Terdapat lima tahap dalam kajian ini iaitu tahap pertamanya memperlihatkan keadaan pra-perindustrian di mana aliran masuk dan keluar FDI hampir-hampir tidak wujud kerana pasaran domestik yang amat kecil, kurangnya infrastruktur, tenaga buruh yang rendah pendidikannya dan kerangka komersialisasi serta undang-undang yang tidak sempurna. Tahap kedua menunjukkan aliran masuk FDI yang tertumpu kepada pasaran tempatan yang mula berkembang dari segi saiz dan kuasa beli. Tahap ketiga memperlihatkan pengurangan kepesatan kadar pertumbuhan aliran masuk FDI. Tahap keempat menunjukkan aliran keluar FDI yang positif di mana firma tempatan tidak hanya efektif bersaing dengan firma asing dalam pasaran tempatan, tetapi turut berupaya memasuki pasaran antarabangsa. Tahap kelima menunjukkan situasi hari ini bagi kebanyakan negara maju. Hasil kajian menunjukkan IDP Malaysia berada pada Tahap 1 dan Tahap 2. Namun, kerajaan boleh memimpin laluan pengembangan pelaburan negara ke tahap yang lebih tinggi, khususnya ke Tahap 3. Ini dapat dilakukan dengan memperluaskan insentif kepada firma tempatan untuk menjadi pelabur antarabangsa, justeru mencapai aliran keluar FDI bersih yang positif dan seterusnya mencapai Tahap 4 dan Tahap 5 dalam jangka panjang.

Mohamad Azlan Shah Zaidi, Zulkifly Abdul Karim dan Aminudin Mokhtar telah mengkaji hubungan jangka panjang dan arah sebab-akibat antara pelaburan Langsung Asing (FDI) dengan pertumbuhan ekonomi di negara-negara sedang membangun dan negara-negara maju terpilih dalam tempoh 1970 hingga tahun 2000. Kaedah Kointegrasi Johansen (1988) diaplikasikan untuk melihat hubungan jangka panjang antara pembolehubah tersebut manakala Model Pembetulan Ralat (VECM) dan ujian sebab-akibat Granger (1969) pula digunakan untuk melihat hubungan arah sebab-akibat. Keputusan kajian mendapati arah sebab-akibat antara FDI dengan pertumbuhan ekonomi di negara-negara sedang membangun dan negara-negara maju tidak selaras. Sebahagian negara menunjukkan kepentingan FDI sebagai penyebab kepada pertumbuhan ekonomi manakala sebahagian negara lain menunjukkan keputusan yang sebaliknya.

Seterusnya, **Fischer, Hernandez-Cata, & Khan (1998)** membincangkan tentang Pelaburan Langsung Asing (FDI) di Negara Afrika. Kajian beliau adalah berdasarkan kepada cabaran, prestasi dan kelemahan Afrika dalam menarik pelabur asing. Beliau juga mengkaji hubungan FDI di antara Afrika dan Asia di mana, Afrika jauh kebelakang jika dibandingkan dengan Asia. Faktor-faktor seperti politik dan kestabilan ekonomi, kekurangan kemudahan infrastruktur, faktor persekitaran dan pengaturan strategi yang lemah telah menjadi punca utama yang menyebabkan Afrika mencatatkan rekod FDI yang lemah.

Sehubungan itu, **Jose Pedro Pontes (2004)** mengkaji hubungan di antara FDI dengan perdagangan. Beliau mengkaji dari dua sudut pandangan yang berbeza, iaitu sama ada kos FDI dan kos perdagangan berbeza atau pun sama. Hasil kajiannya menunjukkan, hubungan di antara kos FDI dan kos perdagangan tidak berbeza. Hubungannya positif apabila kos yang terlibat dalam perdagangan tinggi di mana FDI dan perdagangan bersifat pelengkap. Keadaan ini menjadi negatif apabila nilai kos perdagangan rendah di mana FDI dan perdagangan bersifat pengganti.

Selain itu, **C. Simon Fan dan Yifan Hu (2006)** mengkaji kesan FDI ke atas teknologi di China. Hasil kajiannya menunjukkan perbelanjaan firma ke atas Penyelidikan dan Pembangunan (R&D) berkurangan jika dibandingkan dengan hasil FDI yang diterima. Tahap sektor-sektor pengeluaran yang terlibat dalam FDI menunjukkan kesan positif terhadap usaha R&D untuk kehadiran pelabur asing. Apabila gabungkan kedua-dua kesan ini, didapati kesan FDI ke atas usaha R&D adalah negatif. Dalam FDI terdapat juga beberapa kesan positif seperti dalam pembangunan pengeluaran di firma-firma China. Data yang digunakan dalam kajian ini, dikumpulkan dari Bank Dunia iaitu dari tahun 1998 hingga tahun 2000.

Sehubungan itu, **Bruce A. Blonigen, Ronald B. Davies, Glen R. Waddell dan Helen T. Naughton (2006)** telah mengkaji hubungan autokorelasi dalam FDI dengan menggunakan analisis regrasi linear dan data siri masa dari

tahun 1983 hingga 1998. Terdapat beberapa sebab di mana FDI dalam kebanyakan negara bergantung kepada FDI dalam negara-negara terpilih seperti Argentina, Australia, Austria, Belgium, Brazil, Kanada, Chile, Columbia, Denmark, *Egypt*, Finland, Perancis, German, Greece, Indonesia, Ireland, Itali, Israel, Jepun, Korea, Malaysia, Mexico, Netherland, Norway, Filipina, Portugal, Singapura, Afrika Utara, Spain, Sweden, Switzerland, Thailand, Turki, *United Kingdom* dan *Venezuela*. Model dalam kajian ini dibentuk dan dianalisis berdasarkan kepada data-data Amerika Syarikat (US). Hasil kajiannya iaitu anggaran yang dibuat ke atas beberapa negara yang terpilih sebagai sampel menunjukkan kemasukkan FDI di negara-negara tersebut kurang.

Seterusnya, **Frank S.T. Hsiao dan Mei-Chu W. Hsiao (2006)** mengkaji hubungan di antara pendapatan berkapita (GDP), eksport dan FDI di negara-negara timur dan selatan yang berkembang dengan pesat. Antara Negara yang terlibat adalah China, Korea, Taiwan, Hong Kong, Singapura, Malaysia, Filipina dan Thailand. Kajian ini dilakukan dengan menggunakan data siri masa dari 1986 hingga 2004. Ujian *Granger causality* digunakan dalam kajian ini, agar mendapat hasil kajian yang jitu dan tepat. Hasil kajiannya menunjukkan ketiga-tiga pembolehubah iaitu pendapatan perkapita (GDP), eksport dan FDI yang digunakan adalah *endogenous* serentak.

Barry Eichengreen dan Hui Tong (2005), mengkaji bagaimana negara China menjadi destinasi FDI dan bagaimana negara lain boleh menggunakan cara yang diamalkan oleh negara tersebut, membantu dalam menarik FDI ke negara mereka. Ini kerana, semenjak tahun 1990-an negara China menjadi destinasi FDI terbesar. Kaedah anggaran OLS dan kaedah *model Gravity* digunakan dalam kajian ini, di mana FDI dalam log berhubung kait dengan saiz ekonomi dan destinasi sesuatu negara. Sebanyak 63 negara dikaji dalam kajian ini. Hasil kajiannya menunjukkan pertumbuhan yang pesat dalam negara China menjadi punca utama aliran masuk FDI.

Seterusnya, **Wasseem Mina (2006)** mengkaji aliran FDI dalam enam negara *Gulf Cooperation Council (GCC)* iaitu Bahrain, Kuwait, Oman, Qatar, Arab Saudi, dan *United Arab Emirates (UAE)*. Salah satu aktiviti dalam enam negara GCC adalah menjalankan penyelidikan terhadap sumber minyak. Data dari tahun 1980 hingga 2002 telah dianalisis dan dianggarkan dalam kajian ini. Hasil kajiannya menunjukkan potensi minyak mempunyai pengaruh negatif terhadap aliran FDI.

Akhirnya, **Yuqing Xing (2006)** membuat kajian tentang perubahan perdagangan intra-industri di China dengan Jepun serta Amerika Syarikat dari tahun 1980 hingga 2004. Kajian beliau menyatakan bahawa pelaburan langsung Jepun dalam perdagangan intra-industri berperanan signifikan jika dibandingkan dengan China. Namun demikian, pelaburan langsung Amerika Syarikat menyumbang kepada pertumbuhan perdagangan Intra-industri secara langsung dalam China.

2.3 RUMUSAN

Berdasarkan kajian-kajian yang dilakukan, kita boleh melihat dengan jelas Pelaburan Langsung Asing (FDI) dikaji dan dianalisis dari segi pelbagai sudut. Kajian yang dilakukan tersebut memberikan hasil kajian yang berbeza seperti yang dikehendaki. Kajian-kajian lalu membantu dalam mengenalpasti jenis kaedah, pemboleh ubah yang digunakan dan hasil kajiannya.

BAB 3

METODOLOGI KAJIAN

3.1 PENGENALAN

Pembentukan kerangka teori dalam sesebuah kajian yang dijalankan amat penting untuk memastikan sesuatu kajian itu dilaksanakan dengan sempurna. Bab ini akan menerangkan kerangka teori kajian, kaedah pengumpulan data dan pembentukan model kajian berdasarkan tema utama kajian. Dengan menggunakan kaedah analisis regresi mudah, model-model akan dibentuk dalam kajian ini. Pembentukan model adalah penting untuk menunjukkan hubungan di antara pembolehubah bersandar dan pembolehubah tidak bersandar.

3.2 KAEDAH KAJIAN

3.2.1 Data Kajian

Dalam kajian ini, penggunaan data yang digunakan adalah dari data sekunder yang bersifat data siri masa iaitu dari tahun 1984 hingga 2003. Penggunaan data siri masa yang banyak akan meningkatkan lagi kebolehpercayaan kajian yang ingin dilakukan. Segala data yang diperolehi, dianalisis melalui Pakej Statistik Untuk Sains Sosial(SPSS). Data dalam kajian ini, diperolehi daripada Laman Web Jabatan seperti berikut:

- Jabatan Perangkaan Malaysia
- Jabatan Perbendaharaan Malaysia
- Sistem Laporan Imbangan Pembayaran Berasaskan Tunai, Bank Negara Malaysia.
- Laporan Pelaburan Dunia UNCTAD
- Data Bank Dunia
- FDI Database

3.2.2 Analisis Regresi Linear

Tujuan analisis regresi adalah melihat perhubungan antara FDI dengan pembolehubah-pembolehubah bebas. Daripada analisis yang dilakukan nanti, barulah akan diketahui sama ada pemboleh ubah ini mempunyai hubung kait antara satu sama lain atau pun tidak. Seterusnya boleh mengenalpasti sejauhmana FDI dipengaruhi oleh upah buruh dan GDP per kapita benar.

3.2.2.1 Pembentukan Model Kajian

$$\text{Model A} \quad \text{FDI}_{M1} = \beta_0 + \beta_1 \text{Wl}_m + \beta_2 \text{GDP}_m + \mu_1$$

$$\text{Model B} \quad \text{FDI}_{C1} = \beta_0 + \beta_1 \text{Wl}_c + \beta_2 \text{GDP}_c + \mu_2$$

Di mana:

$$\text{FDI}_{M1} \quad = \text{Pelaburan Langsung Asing di Negara Malaysia}$$

$$\text{FDI}_{C1} \quad = \text{Pelaburan Langsung Asing di Negara China}$$

$$\beta_1 \text{Wl}_m \quad = \text{Upah Buruh di Malaysia}$$

$$\beta_1 \text{Wl}_c \quad = \text{Upah Buruh di China}$$

$$\beta_2 \text{GDP}_m \quad = \text{GDP Per kapita Benar di Malaysia}$$

$$\beta_2 \text{GDP}_c \quad = \text{GDP Per kapita Benar di China}$$

3.2.2.2 Pemilihan Pembolehubah Bebas

a) Upah buruh

Upah buruh memainkan peranan penting dalam pelaburan kerana ia bertindak sebagai kos pengeluaran. Pelabur lebih suka melabur di sesebuah negara jika negara tersebut menyumbangkan keuntungan yang banyak. Dalam keadaan ini, pelabur lebih rela melabur di sektor-sektor yang memberi banyak keuntungan dan pada masa yang sama dengan upah buruh yang rendah. FDI tidak akan masuk ke dalam sesebuah negara jika upah buruh terlampau tinggi yang boleh meningkatkan dan mengurangkan keuntungan. Jadi, dalam kajian ini akan dikaji sejauh mana upah buruh mempengaruhi kemasukkan FDI.

b) GDP Per kapita Benar

Perkembangan ekonomi dalam sesebuah negara boleh ditentukan melalui GDP per kapita. Semakin tinggi GDP per kapita maka semakin tinggi kemajuan ekonomi di sesebuah negara dan tingkat pendapatan rakyatnya. Biasanya pelabur akan melabur di sesebuah negara jika GDP per kapita negara tersebut tinggi kerana senang untuk mendapatkan keuntungan yang banyak. Ini jelas menunjukkan GDP per kapita sesebuah negara memainkan peranan yang penting dalam menarik kemasukan FDI. Jadi dalam kajian ini, akan dikaji juga sama ada FDI Malaysia dan China dipengaruhi oleh GDP per kapita atau pun tidak.

3.2.3 Ujian Signifikan

Ujian Signifikan untuk menguji nilai signifikan pemboleh ubah bebas dan pemboleh ubah bersandar yang digunakan berbanding dengan nilai P. Nilai P yang digunakan di dalam kajian ini ialah pada aras keertian 1 peratus, 5 peratus dan 10 peratus. Sekiranya nilai signifikan lebih besar daripada nilai P, hipotesis nul akan ditolak. Ujian Signifikan ini adalah alternatif lain selain daripada

menggunakan Ujian-t. Ia akan lebih mudah kerana hanya melihat pada jadual sahaja berbanding dengan Ujian-t yang memerlukan langkah yang panjang sebelum mendapat tahu sama ada pemboleh ubah tersebut signifikan atau tidak.

3.2.4 Ujian-F Dan Nilai R^2

Ujian-F dijalankan untuk menguji kebagusan model di mana ia mampu menunjukkan sama ada keseluruhan pemboleh ubah bebas adalah signifikan dalam mempengaruhi pemboleh ubah bersandar. Ujian-F digunakan dalam kajian ini pada aras keertian 1 peratus, 5 peratus dan 10 peratus. R^2 dapat mengukur ketepatan padanan persamaan regresi yakni kadar variasi dalam pemboleh ubah bersandar yang diterangkan oleh pemboleh ubah bebas. Semakin banyak pemboleh ubah bebas di masukkan ke dalam model semakin tinggi nilai R^2 kerana variasi pemboleh ubah bersandar untuk diperjelaskan oleh pemboleh ubah bebas menjadi semakin tinggi.

3.3 RUMUSAN

Teori dan spesifikasi model kajian sangat penting untuk mengenalpasti sama ada pemboleh ubah yang dipilih boleh digunakan atau pun tidak dalam menentukan hubungan di antara pemboleh ubah bersandar dan bebas. Ini kerana, penganggaran sesuatu modal akan dapat dilaksanakan apabila sesuatu teori diperolehi. Teori yang baik akan dapat menggeneralisasikan sesuatu fakta dan menyebabkan teori tersebut boleh diuji menggunakan kaedah yang lebih khusus.

BAB 4

ANALISIS DATA

4.1 PENGENALAN

Dalam bab ini, segala persamaan yang telah dikemukakan dalam Bab 3 akan dikaji dan dianalisis bagi mencapai objektif kajian. Seterusnya, melalui kaedah regrasi linear akan dikenalpasti sama ada pemboleh ubah bersandar dipengaruhi oleh pemboleh ubah bebas bagi negara China dan Malaysia.

4.2 KEPUTUSAN KAJIAN

Bab ini menganalisis beberapa pemboleh ubah bebas yang dikait dengan pemboleh ubah bersandar iaitu Pelaburan Langsung Asing (FDI). Berdasarkan kepada output regrasi linear, hasil penganggaran persamaan regrasi boleh ditulis sebagai:

4.2.1 Model A (Negara Malaysia)

$$FDI_{M1} = -3140.848 + 1.523W1_m - 3.048 GDP_m + \mu_1$$

$$\text{Statistik-t} = (-2.036) \quad (2.025) \quad (-1.843)$$

—

$$R^2 = 0.464$$

$$R^2 = 0.521$$

Durbin watson = 2.042

Analisis Regresi **Model A** di mana FDI negara Malaysia sebagai pembolehubah bersandar dan upah buruh dan GDP per kapita benar sebagai pembolehubah bebas memberi output seperti berikut:

Jadual 2 : Ringkasan Model (b)

| Model | R | R Square | Adjusted R Square | Std. Error of the Estimate | Durbin-Watson |
|-------|---------|----------|-------------------|----------------------------|---------------|
| 1 | .722(a) | .521 | .464 | 780.58632 | 2.042 |

a : Pemboleh Ubah Bebas (konstan), GDP PER KAPITA BENAR, UPAH BURUH

b Pemboleh Ubah Bersandar : FDI

Berdasarkan Jadual 2, hasil keputusan regresi linear didapati bahawa nilai pekali penentu regresi (R^2) bagi negara Malaysia adalah bersamaan dengan 0.521. Ini menunjukkan bahawa sebanyak 52.10 peratus perubahan yang berlaku dalam FDI Malaysia dapat diterangkan oleh pembolehubah bebas. Selebihnya iaitu 47.90 peratus dipengaruhi oleh faktor-faktor lain.

Ujian Durbin-Watson

$$d = \frac{\sum_{i=2}^n (e_i - e_{i-1})^2}{\sum_{i=1}^n e_i^2}$$

Dimana :

e_i = $y - \hat{y}_i$

n = Bilangan pemboleh ubah

d_L = Nilai had bawah

d_U = Nilai had atas

Apabila $d < d_L$, tolak $H_0 : \rho = 0$

Apabila $d > d_U$, tidak tolak $H_0 : \rho = 0$

Apabila $d_L < d < d_U$, dianggap tergolong

Berdasarkan Jadual 2 nilai Durbin-Watson ialah 2.042. Jadi apabila saiz sampel 20 ($n=20$), pemboleh ubah dalam model A ialah 2 ($k=2$), nilai had bawah (d_L) ialah 1.100 dan nilai had atas (d_U) ialah 1.537. Maka tidak ada bukti yang menyatakan wujud positif autokorelasi tingkat pertama.

Jadual 3 : Anova(b)

| Model | | Sum of Squares | df | Mean Square | F | Sig. |
|-------|------------|----------------|----|-------------|-------|---------|
| 1 | Regression | 11252543.008 | 2 | 5626271.504 | 9.234 | .002(a) |
| | Residual | 10358355.014 | 17 | 609315.001 | | |
| | Total | 21610898.022 | 19 | | | |

a Pemboleh Ubah Bebas : (konstan), GDP PER KAPITA BENAR, UPAH BURUH

b Pemboleh Ubah Bersandar: FDI

Jadual 3 menunjukkan Ujian-F di mana ujian yang dilakukan ini adalah pada aras keertian 1 peratus. Berdasarkan Ujian-F, Model A signifikan secara bersama pada aras keertian 0.01.

Jadual 4 : Koefisien(a)

| Model | | Unstandardized Coefficients | | t | Sig. |
|-------|---------------------|-----------------------------|------------|--------|------|
| | | B | Std. Error | | |
| 1 | (Constant) | -3140.848 | 1542.381 | -2.036 | .058 |
| | UPAH BURUH | 1.523 | .752 | 2.025 | .059 |
| | GDP PERKAPITA BENAR | -3.048 | 1.654 | -1.843 | .083 |

a Pemboleh Ubah Bersandar : FDI

Upah Buruh

Ho : Upah buruh tidak mempengaruhi kemasukkan FDI ke negara Malaysia.

H1 : Upah buruh mempengaruhi kemasukkan FDI ke negara Malaysia.

Ho : $\beta_1 = 0$

H1 : $\beta_1 \neq 0$

GDP Per kapita

Ho : GDP per kapita negara Malaysia tidak mempengaruhi kemasukkan FDI negara tersebut.

H1 : GDP per kapita negara Malaysia mempengaruhi kemasukkan FDI negara tersebut.

Ho : $\beta_2 = 0$

H1 : $\beta_2 \neq 0$

Berdasarkan Jadual 4, upah buruh dan GDP per kapita mempengaruhi kemasukkan FDI ke Malaysia. Seterusnya, kajian ke atas upah buruh dan GDP per kapita menunjukkan Ho ditolak pada aras keertian 10 peratus. Apabila Ho ditolak, ini bermaksud kedua-dua pemboleh ubah bebas ini signifikan dalam mempengaruhi kemasukkan FDI ke negara Malaysia.

4.2.2 Model B (Negara China)

$$FDIC_1 = - 618834.198 + 455438.974 \text{Ln}Wlc - 403695.211 \text{Ln}GDP_c + \mu_2$$

$$\text{Statistik-t} = \quad (-5.458) \quad \quad \quad (3.062) \quad \quad \quad (-2.793)$$

—

$$R^2 = 0.910$$

$$R^2 = 0.919$$

$$\text{Durbin watson} = 1.786$$

Analisis Regresi **Model B** di mana FDI negara China sebagai pembolehubah bersandar dan upah buruh(Ln) dan GDP per kapita benar(Ln) sebagai pembolehubah tak bersandar memberi output seperti berikut:

Jadual 5 : Ringkasan Model(b)

| Model | R | R Square | Adjusted R Square | Std. Error of the Estimate | Durbin-Watson |
|-------|---------|----------|-------------------|----------------------------|---------------|
| 1 | .959(a) | .919 | .910 | 6132.54758 | 1.786 |

a Pemboleh Ubah Bebas : (konstan), LN GDP PER KAPITA BENAR, LN UPAH BURUH

b Pemboleh Ubah Bersandar : FDI

Bagi negara China pula, hasil keputusan regresi linear menunjukkan nilai pekali penentu regresi(R^2) adalah bersamaan dengan 0.919. Ini jelas menerangkan sebanyak 92 peratus FDI China adalah dipengaruhi oleh pemboleh ubah upah buruh dan GDP per kapita benar. Sehubungan itu, hanya 8 peratus dipengaruhi oleh faktor-faktor lain. Jadi dua pemboleh ubah bebas ini memberi kesan yang lebih kepada FDI di negara China jika dibandingkan dengan negara Malaysia. Walaupun pemboleh ubah kajian dalam negara China mempengaruhi FDI, namun pengaruhnya tidaklah begitu banyak. Berdasarkan jadual 5 nilai Durbin-Watson ialah 1.786. Jadi apabila saiz sampel 20 ($n=20$), pemboleh ubah dalam model A ialah 2 ($k=2$), nilai had bawah (d_L) ialah 1.100 dan nilai had atas (d_U) ialah 1.537. Maka tidak ada bukti yang menyatakan wujud positif autokorelasi tingkat pertama.

Jadual 6 : Anova(b)

| Model | | Sum of Squares | Df | Mean Square | F | Sig. |
|-------|------------|----------------|----|----------------|--------|---------|
| 1 | Regression | 7259501974.401 | 2 | 3629750987.200 | 96.515 | .000(a) |
| | Residual | 639338376.799 | 17 | 37608139.812 | | |
| | Total | 7898840351.200 | 19 | | | |

a Pemboleh Ubah Bebas : (konstan), LN GDP PER KAPITA BENAR, LN UPAH BURUH

b Pemboleh Ubah Bersandar : FDI

Berdasarkan Jadual 6, Ujian-F bagi Model B signifikan secara bersama pada aras keertian 1 peratus. Keputusan kajian ini jelas menunjukkan pemboleh ubah bebas adalah signifikan dalam mempengaruhi pemboleh ubah bersandar.

Jadual 7 : Koefisien(a)

| Model | | Unstandardized Coefficients | | t | Sig. |
|-------|------------------------|-----------------------------|------------|--------|------|
| | | B | Std. Error | | |
| 1 | (Constant) | -618834.198 | 113382.279 | -5.458 | .000 |
| | LN UPAH BURUH | 455438.974 | 148747.287 | 3.062 | .007 |
| | LN GDP PERKAPITA BENAR | -403695.211 | 144541.987 | -2.793 | .012 |

a : Pemboleh ubah Bersandar : FDI

Upah Buruh

Ho : Upah buruh tidak mempengaruhi kemasukkan FDI negara China.

H1 : Upah buruh mempengaruhi kemasukkan FDI negara China.

Ho : $\beta_1 = 0$

H1 : $\beta_1 \neq 0$

GDP Per kapita

Ho : GDP Per kapita negara China tidak mempengaruhi kemasukkan FDI negara tersebut.

H1 : GDP Per kapita negara China mempengaruhi kemasukkan FDI negara tersebut.


Ho : $\beta_2 = 0$

H1 : $\beta_2 \neq 0$

Berdasarkan jadual 7, kajian keatas upah buruh negara China dan GDP per kapita negara China menunjukkan Ho ditolak pada aras keertian 0.01 dan 0.05. Apabila Ho ditolak , maka ini jelas menunjukkan pemboleh ubah bebas mempengaruhi pemboleh ubah bersandar iaitu kemasukkan FDI ke negara China.

4.3 PERBANDINGAN PRESTASI DI ANTARA NEGARA MALAYSIA DAN CHINA


Rajah 8 : Perbandingan Aliran FDI Di Antara Negara Malaysia dan China



Rajah 8 menunjukkan perbandingan aliran FDI di antara negara Malaysia dan China. Rajah diatas jelas menunjukkan prestasi FDI negara China lebih baik daripada negara Malaysia terutamanya selepas tahun 90-an. Pada tahun 1983 aliran masuk FDI ke negara Malaysia adalah sebanyak \$810.4 juta manakala

negara China mencatatkan aliran masuk FDI sebanyak \$1357 juta. Pada tahun 1991 aliran masuk FDI ke negara China adalah sebanyak \$11,690 juta di mana negara Malaysia hanya \$2902 juta. Kemasukkan FDI negara China mencapai pertumbuhan yang baik berbanding negara Malaysia di mana aliran masuk FDI ke negara Malaysia masih rendah. Tahun 1996 juga menunjukkan perubahan yang banyak dalam kemasukkan FDI ke negara China iaitu \$43,751 juta manakala negara Malaysia masih berada di bawah iaitu \$2,714 juta. Pertumbuhan ekonomi yang mapan menyebabkan ramai pelabur berminat untuk melabur di negara China dan ini menyebabkan prestasi FDI menjadi lebih baik jika dibandingkan dengan negara Malaysia. Pada tahun 2002 kemasukkan FDI negara China adalah \$52,700 juta di mana negara Malaysia jauh di belakang iaitu hanya mencatatkan \$3,203 juta sahaja.


Rajah 9 : Perbandingan Upah Buruh Di Antara Negara Malaysia dan China



Rajah 9 menunjukkan perbandingan upah buruh di antara negara Malaysia dan China. Prestasi Upah buruh negara Malaysia lebih baik daripada negara China. Pada tahun 1983 upah buruh Malaysia adalah sebanyak \$14,117.84 juta manakala negara China hanya \$1,671.57 juta peningkatan kadar upah di negara China agak lambat jika dibandingkan dengan negara Malaysia. Pada tahun 1998 terdapat sedikit penurunan dalam upah buruh negara Malaysia iaitu daripada \$25,237.53 juta pada tahun sebelumnya menurun kepada \$24,406.07 juta. Kedua-dua negara

kajian menunjukkan peningkatan dalam jumlah populasi telah menyebabkan peningkatan dalam upah buruh. Pada tahun 2003 upah buruh negara Malaysia meningkat kepada \$27,985.16 juta manakala negara China mencatatkan jumlah upah buruh pada \$8,283.85 juta.

Rajah 10 : Perbandingan GDP Per kapita Benar Di Antara Negara Malaysia dan China



Rajah 10 menunjukkan perbandingan GDP per kapita benar di antara negara Malaysia dan China. Prestasi GDP per kapita benar negara Malaysia lebih baik daripada negara China. Berdasarkan graf di atas, pada tahun 1983 GDP per kapita benar negara Malaysia adalah \$5,549.62 juta manakala negara China mencatatkan \$944.46 juta iaitu lebih sebanyak \$4,605.13 juta. GDP per kapita benar di kedua-dua negara kajian menunjukkan peningkatan secara berterusan. Pada tahun 1997 negara Malaysia mencatatkan GDP per kapita sejumlah \$10,496.42 juta dan negara China pula mencatatkan \$3,229.39 juta. Pembangunan mapan di negara Malaysia telah meningkatkan GDP per kapita benar di negara tersebut. Peningkatan dalam GDP negara Malaysia ini berterusan sehingga \$12,130.75 juta pada tahun 2003. Negara China juga menunjukkan peningkatan yang berterusan iaitu mencapai \$4,970.45 juta pada tahun 2003.

4.4 KESIMPULAN

Berasaskan hasil keputusan penganggaran model kajian, ianya jelas menunjukkan pengaruh pemboleh ubah tidak bersandar terhadap FDI negara Malaysia dan China. Jika membandingkan kedua-dua negara tersebut, China merupakan negara yang paling banyak dipengaruhi oleh faktor upah buruh dan GDP per kapita benar. Selain itu, prestasi negara Malaysia lebih baik daripada negara China dari segi tingkat upah buruh dan GDP per kapita benar negara tersebut. Hasil kajian juga memaparkan kedudukan sebenar beberapa nilai statistik yang jitu dan tepat.

BAB 5

IMPLIKASI DASAR DAN RUMUSAN

5.1 PENGENALAN

FDI berperanan sebagai salah satu ejen penting dalam pertumbuhan ekonomi sesebuah negara dan sangat penting untuk menggerakkan aliran modal masuk dalam menjalankan sesuatu perniagaan. Hasil kajian ini memberi satu gambaran menyeluruh tentang pengaruh upah buruh dan GDP per kapita benar terhadap FDI negara Malaysia dan China.

5.2 RUMUSAN HASIL KAJIAN

Kajian yang dilakukan telah menganalisis beberapa pemboleh ubah yang menjadi petunjuk makroekonomi kepada penentu prestasi FDI. Ini berikutan, FDI merupakan salah satu aspek yang penting kepada penentu pertumbuhan ekonomi sesebuah negara. FDI bukanlah satu keadaan yang berlaku secara tiba-tiba tetapi bagi mewujudkan kadar pelaburan yang tinggi dan stabil ianya melibatkan usaha-usaha ke arah pengembangan pasaran pelaburan sama ada melalui pihak kerajaan mahu pun swasta.

Berdasarkan kepada keputusan regresi kajian, dapat disimpulkan bahawa perkembangan FDI negara Malaysia dan China banyak dipengaruhi oleh faktor

upah buruh dan GDP per kapita benar. Kajian ini telah memaparkan pertumbuhan FDI negara Malaysia dan China bukan hanya dijana oleh faktor upah buruh dan GDP per kapita benar. Sebaliknya dijana oleh pelbagai faktor sampingan seperti mana keputusan kajian-kajian sebelum ini. Misalnya, polisi liberalisasi ke atas FDI dan kesan promosi turut memberi faedah kepada aliran masuk FDI ke dalam sesebuah negara di mana didapati daripada kajian yang dilakukan oleh Mohamad S.lmana(2005) dan Akiyanagata(2005). Selain itu, kajian ini membuktikan prestasi negara Malaysia lebih baik daripada negara China dari segi upah buruh dan GDP per kapita benar.

5.3 KERJASAMA PERDAGANGAN DI ANTARA NEGARA MALAYSIA DAN CHINA

Negara-negara ASEAN telah mengadakan kerjasama dengan banyak negara luar untuk meningkatkan pertumbuhan ekonomi. Perjanjian dengan negara China merupakan salah satunya dan ini mewujudkan Perjanjian Perdagangan Bebas (FTA) terbesar di dunia dengan gabungan populasi seramai 1.8 billion. Dengan jumlah populasi yang begitu ramai, China merupakan pasaran utama untuk negara ASEAN. Selain itu, perjanjian rangka kerja telah ditandatangani dan perjanjian tersebut menyediakan pembentukan Kawasan Perdagangan Bebas ASEAN-China (ACFTA). Dengan perjanjian ini, pengurangan dalam tarif dan liberalisasi perdagangan akan dilakukan ke atas barangan, perkhidmatan dan pelaburan.

Selain itu, ASEAN juga telah menjalankan Perjanjian Perdagangan Serantau (RTA) dengan negara India, Korea, Australia dan New Zealand. Melalui kerjasama sebegini dengan negara-negara lain diharap ia mampu untuk meluaskan lagi kerjasama dalam semua bidang dan boleh juga mengatasi masalah kemasukan FDI ke sesebuah negara. Antara faedah yang boleh didapati melalui kerjasama ini adalah:

- i. Memudahkan FDI melalui mewujudkan perjanjian yang mengiktiraf piawai produk.
- ii. Menyediakan akses pasaran yang luas dalam sektor perkhidmatan.
- iii. Menangani masalah tarif untuk produk elektrik, kayu dan produk berasaskan kulit.
- iv. Mengekalkan dan mengukuhkan pasaran pelaburan dan eksport.
- v. Mendapat agihan pasaran melalui tarif keutamaan di dalam sektor-sektor tertentu.

5.4 CABARAN-CABARAN KEMASUKAN FDI KE NEGARA MALAYSIA

Malaysia menghadapi cabaran dalam meningkatkan aliran masuk FDI di peringkat dunia dan dalam negara. Di peringkat dunia peraturan persaingan telah berubah dengan bermulanya Era Maklumat dan semakin meningkatnya integrasi ekonomi dunia serta liberalisasi pasaran antarabangsa. Kelebihan saingan sesebuah negara tidak lagi bergantung kepada faktor seperti buruh, tanah dan sumber asli tetapi kepada potensi untuk mengeluarkan, memperoleh, mengguna dan menyebarkan pengetahuan. Penguasaan terhadap pengetahuan akan meningkatkan potensi negara sedang membangun yang berkos rendah untuk beralih kepada pengeluaran barangan bernilai ditambah yang tinggi pada kadar yang lebih pantas dan membolehkan aliran masuk FDI dan pengeluar baru bersaing dengan pengeluar yang telah mantap. Dengan pasaran dalam negeri yang besar, negara ini boleh menggugat kelebihan berbanding dalam beberapa bidang sektor pembuatan yang telah dinikmati oleh Malaysia sejak 30 tahun yang lalu. Di samping itu, negara perindustrian yang sedang menumpukan kepada pengetahuan sebagai input penting dalam proses pengeluaran mereka telah meningkatkan bahagian industri berteknologi tinggi dalam jumlah nilai ditambah dan eksport sektor pembuatan. Negara ini lebih maju dari segi sumber manusia, teknologi, penyelidikan dan pembangunan (P&P), kemampuan inovasi dan infrastruktur. Oleh itu, Malaysia perlu melipat gandakan usaha untuk meningkatkan aliran

masuk FDI dan sentiasa mendahului negara sedang membangun yang lebih dinamik serata setanding dengan negara maju.

Dalam dekad ini, peralihan ke arah liberalisasi yang lebih meluas akan membuka lebih banyak pasaran di setiap negara dan mendatangkan manfaat kepada negara yang berupaya merebut peluang daripada proses tersebut serta boleh meningkatkan aliran masuk FDI. Dengan pengurangan halangan tarif, sempadan pasaran secara teknikalnya tidak akan wujud. Disertai dengan penggunaan Internet yang meluas, peniaga akan dapat memperolehi sumber input, komponen dan perkhidmatan serta mendapatkan sebutharga daripada pembekal pada harga paling kompetitif dengan kos yang rendah di mana jua di dunia. Pengurangan kos komunikasi akan membantu proses mengglobalisasikan pengeluaran dan pasaran modal, meningkatkan persaingan dan inovasi serta mempercepatkan penyebaran teknologi baru melalui perdagangan dan pelaburan. Oleh itu, entiti perindustrian dan perdagangan Malaysia mesti segera membina keupayaan untuk menghadapi pesaing asing dalam pasaran tempatan dan mempertingkatkan aliran masuk FDI dan daya saing eksport mereka. Perniagaan Malaysia perlu lebih bersedia menerima pengetahuan membuat sesuatu, meningkatkan kemahiran dan daya cipta serta mengenalpasti potensi komersil mereka.

Di dalam negeri, sumbangan produktiviti faktor keseluruhan (TFP) perlu ditambah pada kadar yang lebih cepat dan kecekapan modal perlu dipertingkatkan. Ini adalah kerana sumbangan buruh kepada pertumbuhan akan menjadi lebih perlahan pada masa hadapan manakala kadar pelaburan yang tinggi dalam tempoh 1990an tidak dapat dikekalkan malah tidak cekap untuk meningkatkan aliran masuk FDI. Sebagai strategi jangka panjang untuk mencapai pertumbuhan ekonomi yang mapan, adalah penting bagi negara beralih daripada pertumbuhan yang didorong oleh input kepada pertumbuhan yang didorong oleh produktiviti supaya punca pertumbuhan ekonomi dijana daripada sumber dan kekuatan dalam negeri. Tumpuan yang lebih akan diberi kepada menarik

perhatian pelabur asing, pembangunan sumber manusia, produktiviti serta keupayaan menyerap dan mengguna pengetahuan. Pertumbuhan yang didorong oleh produktiviti yang berasaskan kecekapan dan kaya dengan kandungan pengetahuan membolehkan negara mencapai pertumbuhan yang mapan dengan inflasi yang rendah dan harga yang stabil. Tambahan pula, ianya membuka peluang yang terbaik untuk meningkatkan dengan lebih cepat taraf hidup rakyat Malaysia bagi mencapai matlamat Wawasan 2020.


Krisis kewangan Asia 1997-1998 telah menyedarkan mengenai pentingnya pengukuhan daya tahan dalam persekitaran dunia yang semakin bersepadu di mana aliran masuk FDI, perdagangan dan maklumat melangkaui sempadan negara. Peristiwa yang berlaku di sesebuah negara boleh memberi implikasi yang ketara kepada negara lain melalui rangkaian yang kompleks dan silang-menyilang serta kesan tertangguh. Malaysia terdedah kepada kesan luaran ini kerana ekonominya berkait rapat dengan negara lain di dunia. Memandangkan Malaysia tidak mungkin terhindar sepenuhnya daripada kejutan luar, Malaysia perlu memperkukuhkan daya tahan ekonomi, kewangan dan sosial agar mampu menghadapi pergolakan dan risiko yang muncul tanpa tergelincir daripada matlamat pembangunan.

Kitaran kejatuhan permintaan ke atas barangan separa konduktor pada pertengahan tahun 1990an telah menunjukkan risiko yang dihadapi sekiranya negara bergantung kepada jenis keluaran yang terhad atau sebilangan kecil pasaran. Walaupun industri elektronik merupakan penyumbang penting kepada pemulihan ekonomi Malaysia yang memberansangkan daripada krisis kewangan pada tahun 1997-1998, namun sebagai satu strategi untuk meningkatkan ketahanan ekonomi adalah perlu dikenalpasti bidang pertumbuhan baru di samping meluas dan mendalamkan industri sedia ada supaya dapat mempelbagaikan jenis barangan eksport dan mengukuhkan punca pertumbuhan yang dijana daripada sumber dalam negeri serta meningkatkan aliran masuk FDI.

Dalam membina sebuah negara yang berdaya tahan, tugas mengukuhkan perpaduan serta memupuk masyarakat yang lebih bertolak ansur dan penyayang merupakan agenda utama negara. Dari segi objektif pengagihan, sungguhpun kejayaan besar telah dicapai dalam mengurangkan kadar kemiskinan, namun pencapaian penyusunan semula masyarakat kurang memuaskan. Peratusan pemilikan ekuiti korporat Bumiputera pada tahun 1999 berkurangan sedikit berbanding dengan kedudukannya pada tahun 1990 dan ini menimbulkan isu daya tahan Bumiputera. Bilangan Bumiputera dalam pekerjaan yang berkedudukan tinggi masih lagi rendah. Walaupun bilangan perniagaan Bumiputera dalam kedua-dua sektor korporat dan bukan korporat telah bertambah, namun kebanyakannya adalah kecil dan bahagiannya lebih rendah berbanding bahagian bukan Bumiputera. Usahawan Bumiputera masih ketinggalan dari segi tahap penggunaan teknologi dan kepakaran pengurusan. Cabarannya adalah untuk mengatasi kelemahan tersebut secara lebih bermakna demi meraih kemajuan yang lebih tinggi dalam mencapai matlamat pengagihan dan membantu negara dalam meningkatkan aliran masu FDI.

Negara Malaysia menghadapi pelbagai cabaran untuk menarik pelabur ke negara mereka. Beberapa kerajaan asing juga telah menawarkan insentif-insentif kepada syarikat-syarikat untuk melabur di negara mereka. Oleh yang demikian, tawaran pengecualian cukai korporat tidak lagi menjadi daya tarikan kepada pelabur untuk melabur di sesebuah negara. Pemilikan FDI Malaysia di rantau ini telah menurun akibat persaingan dari Vietnam dan Thailand. Negara-negara utama seperti China dan India juga merupakan destinasi FDI yang menarik kepada pelabur-pelabur. Memandangkan Malaysia tidak berupaya menandingi beberapa aspek yang dimiliki negara-negara ini seperti pasaran tempatan yang luas dan kos tenaga buruh yang rendah, Malaysia dan Koridor Utara khususnya harus menjadi satu lokasi yang menarik kepada pelabur asing dan tempatan dengan mewujudkan kekuatan lain seperti modal insan dan kecemerlangan dalam penyelidikan.

Rajah 11: Peratusan Kemasukan FDI di Rantau Asia Tenggara bagi Tahun 1985-2005



Sumber: WIR 2006

Rajah di atas menjelaskan peratusan kemasukan FDI di rantau Asia Tenggara bagi tahun 1985-2005. Peratusan kemasukan FDI ke negara Malaysia menunjukkan penurunan iaitu pada tahun 1985 mencatatkan 31 peratus. Pada tahun 1990, Malaysia mencatatkan 22 peratus dan aliran FDI ini meningkat kepada 23 peratus pada tahun 1995. Tahun 2000 dan 2005 pula menunjukkan penurunan dalam aliran masuk FDI iaitu hanya 15 peratus dan 11 peratus.

5.5 CADANGAN PENYELESAIAN

